

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 07.08.2025 MASA: 5.30PM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERUSAHA TUAN MOHD IBRAHIM BIN MD NOR
SETIAUSAHA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**PROGRAM KERJASAMA PENGANJURAN BERSAMA
“PROGRAM TVET CSR: *I LOVE SDG*”**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**9 OGOS 2025 (SABTU)
9.00 PAGI**

**TAMAN BERTAM PUTRA
SEBERANG PERAI UTARA**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia MADANI,

Selamat datang dan *salam hangat* kepada *saudara-saudari* dari Indonesia. *Senang sekali* kita dapat bertemu dalam *semangat persahabatan* dan *kerjasama* hari ini,

1. Marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya, kita dapat berhimpun pada pagi yang penuh bermakna ini dalam **Program Kerjasama Penganjuran Bersama**, iaitu “**Program TVET CSR: I Love SDG**”.
2. Izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Puan Hajah Norlili Juwita binti Arshad, Pengarah Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB) dan Pak Supriyanto, Wakil Delegasi Indonesia, atas kesudian menjalin kolaborasi strategik bersama Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dalam menjayakan inisiatif murni melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR) ini.
3. Tidak lupa juga, setulus penghargaan saya ucapkan kepada semua hadirin yang hadir pada pagi ini; khususnya para pensyarah dan

pelajar daripada Indonesia; para pensyarah dan staf PTSB serta warga kerja MBSP yang hadir bagi menjayakan program yang menyemarakkan semangat kelestarian, pendidikan dan kerjasama rentas sempadan ini.

4. Program TVET CSR: *I Love SDG* ini memperlihatkan komitmen bersama dalam mendukung Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals – SDG*) yang diperkenalkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), khususnya SDG 4: Pendidikan Berkualiti. Matlamat ini merupakan tonggak kepada pembinaan masyarakat yang berilmu, berdaya tahan dan sejahtera, selaras dengan aspirasi pembangunan lestari di peringkat global.
5. Dengan penglibatan seramai 68 orang peserta, termasuk 46 orang delegasi antarabangsa dari Indonesia dan 22 orang peserta daripada Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, program ini menjadi platform terbaik dalam memperkuuh kefahaman serta meningkatkan kemahiran berkaitan pendidikan alam sekitar dan tanggungjawab sosial.
6. Para peserta akan berpeluang menyertai pelbagai aktiviti bermakna yang telah disusun, seperti penanaman pokok di Taman Bertam Perdana, lawatan ke Unit Upcycle MBSP, penghasilan cenderahati,

serta lawatan pendidikan ke Pusat Pendidikan Hijau di Tasek Gelugor.

Aktiviti-aktiviti ini bukan sekadar pengisian program semata-mata.

Sebaliknya, ia merupakan manifestasi kepada usaha membentuk generasi yang lebih peka terhadap isu perubahan iklim, kelestarian sumber dan keseimbangan alam, serta menyemai kefahaman yang mendalam mengenai peranan mereka sebagai agen perubahan dalam memacu pembangunan mampan.

Setiap langkah kecil yang diambil hari ini ibarat benih kesedaran yang bakal membawa hasil pada masa hadapan, bukan sahaja kepada komuniti setempat, malah kepada dunia secara keseluruhan.

7. Sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang komited kepada prinsip pembangunan mampan, MBSP tidak pernah alpa dalam melaksanakan pelbagai inisiatif pendidikan dan kesedaran alam sekitar seperti:
 - a) Taklimat dan bengkel kitar semula;
 - b) Program Anugerah Sekolah Hijau;
 - c) *Edu-Green Digital*;
 - d) TASKAL (Transformasi Sekolah ke Arah Lestari);
 - e) Kempen *No Single Use Plastic*;
 - f) Bengkel Pertanian Bandar;
 - g) Program Pemakanan Sihat dan Program Pengumpulan Minyak Masak Terpakai di sekolah; serta

- h) Pelbagai lagi inisiatif berimpak tinggi.
8. Inisiatif sebegini bukan sekadar menyuburkan ilmu dan memperkaya pengalaman dalam kalangan pelajar dan komuniti, malah turut menjadi pemangkin kepada jalinan kerjasama rentas sempadan yang lebih strategik dan berterusan. Hubungan antara institusi pendidikan tempatan dan antarabangsa serta Pihak Berkuasa Tempatan diperkuuh melalui pemahaman bersama terhadap keperluan global dalam bidang pendidikan alam sekitar dan pembangunan mampan, sekali gus membuka ruang kepada pertukaran ilmu, inovasi dan budaya yang lebih luas dan inklusif.
9. Justeru, usaha berterusan dalam menjalin kolaborasi rentas negara seperti ini amatlah dialu-alukan. Melalui perkongsian pengalaman, kepakaran dan amalan terbaik, kita dapat memperkuuh ekosistem pendidikan dan pembangunan mampan secara lebih inklusif dan berkesan.
10. Adalah menjadi harapan saya agar hubungan kerjasama antara MBSP dan semua pihak yang terlibat; khususnya institusi pendidikan di Indonesia akan terus diperkasa dan diperluaskan demi manfaat bersama dalam jangka panjang. Semoga kerjasama ini menjadi langkah awal yang berkesinambungan, demi menciptakan dunia yang lebih baik.

11. Sebagai penutup kata, saya berharap *kalian* menikmati setiap *momen kunjungan* ini – baik *kegiatannya*, *suasananya*, maupun *cita rasa kuliner* khas kami di sini.

Jangan lupa untuk *mencicipi* nasi kandar dan pasembur Penang, dua hidangan *lokal* yang wajib *dicoba*!

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.